

**Berhadapan dua kes mahkamah, Rafizi akan terus dedahkan skandal
Malaysian Insider
6 Ogos, 2012
Oleh Clara Chooi**

KUALA LUMPUR, 6 Ogos — Rafizi Ramli dari PKR enggan untuk menghentikan pendedahan awamnya mengenai skandal rasuah yang berlaku dalam kerajaan walaupun menghadapi dua pertuduhan mahkamah kerana mendedahkan perkara tersebut.

Tindakan beliau boleh menyebabkan dirinya merengkok dalam penjara, didenda berjuta ringgit dan kehilangan peluang bertanding sebagai ahli parlimen.

Pemimpin muda itu memberitahu The Malaysian Insider, sekiranya dia tidak meneruskan apa yang dilakukannya, skandal seperti Pusat fidlot Kebangsaan (NFC) kontroversi “lembu kondo” dan perjanjian LRT Ampang tidak akan menjadi berita utama negara.

Beliau menolak hujah Perdana Menteri (PM), Datuk Seri Najib Tun Razak pada Jumaat lalu bahawa didakwa dalam kes NFC kerana beliau tidak melalui saluran yang sah untuk membuat pendedahan.

“Kami telah pergi ke pihak berkuasa yang berkaitan. Malah, dalam kes daripada NFC, kami membuat aduan kepada polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

“Salah jika beliau (Najib) untuk mengatakan saya tidak pergi. Jika anda masih ingat, saya menyerahkan semua maklumat saya kepada polis,” Rafizi berkata dalam satu temu bual.

Rafizi dan PKR rakan sekerjanya Zuraida Kamaruddin dijadualkan untuk ke mahkamah petang ini bersama bekas Menteri, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dalam saman fitnah RM100 juta yang difailkan oleh ketua Wanita Umno itu berikutan skandal NFC.

Shahrizat, yang hilang jawatan menteri awal tahun ini apabila jawatan senator beliau tamat tempoh tidak lama selepas skandal tersebut menjadi tajuk-tajuk utama media, telah menyaman kedua-dua pemimpin PKR itu kerana menuduh beliau menyalahgunakan pinjaman RM250 juta dari kerajaan persekutuan yang bertujuan untuk skim penternakan lembu negara.

Dakwaan memfitnah ketua Wanita Umno bukan satu-satunya perkara yang telah melanda Rafizi dalam pendedahannya terhadap NFC.

Rafizi juga menghadapi prospek untuk dipenjarakan maksimum tiga tahun dan denda RM3 juta kerana melanggar Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan (BAFIA), selepas beliau mendedahkan butir-butir perbankan sulit fidlot National Feedlot Corporation (NFCorp), firma yang menjalankan projek NFC.

Jika disabit bagi kesalahan yang serius tersebut akan menggelapkan peluang Rafizi sebagai calon dalam pilihan raya umum (PRU) ke-13 yang perlu diadakan menjelang tahun depan.

Pada hari Jumaat lalu, Najib muncul untuk menolak dakwaan bahawa caj terhadap Rafizi bertujuan untuk menakutkan pemberi maklumat pada masa hadapan apabila beliau berkata bahawa orang PKR tersebut boleh mendedahkan butiran skandal yang didakwa kepada pihak berkuasa seperti SPRM.

Berdasarkan kes-kes sebelumnya, Rafizi berkata beliau tidak mempunyai keyakinan dengan agensi-agensi kerajaan seperti polis dan SPRM, yang merupakan badan berkanun dan bebas daripada kerajaan.

"Maklumat sebenar 'whistleblowing' berkenaan yang NFC, kami laporkan kepada SPRM sebelum didedahkan di khalayak ramai mengenai pembelian kondominium. Kami berikan masa yang mencukupi bagi tindak balas, untuk siasatan," katanya.

Tetapi katanya pendakwaan yang dilakukan oleh pihak berkuasa sama ada akan mengambil masa yang terlalu lama untuk diselesaikan, atau ditutup secara senyap-senyap apabila perhatian umum mula turun.

Pemimpin muda PKR itu dilihat sebagai seorang wira, telah mengetuai kempen ini secara bersungguh-sungguh untuk mendedahkan dakwaan salah urus dalam pengendalian NFC, RM250 juta yang dibiayai kerajaan persekutuan untuk projek penternakan lembu kebangsaan yang menyimpang, ini turut diakui oleh Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang.

Firma yang menjalankan projek NFCorp - dimiliki oleh suami Shahrizat, Datuk Seri Mohamad Salleh dan tiga anak pasangan itu.

Rafizi menegaskan bahawa walaupun beliau telah berkali-kali menimbulkan persoalan konflik kepentingan dalam penganugerahan projek NFC kepada syarikat Mohamad apabila Shahrizat masih dalam kabinet, ia hanya pengerusi NFCorp itu yang didakwa di mahkamah kerana kesalahan.

Pada 12 Mei lalu, Mohamad mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen terhadap dua pertuduhan pecah amanah melibatkan RM49.7 juta berkaitan dengan pembelian dua unit kondominium.

"Pada satu ketika, polis bertindak balas dengan mengatakan bahawa kes itu ditutup. Dan bayangkan ... selepas tiga minggu tiada maklum balas positif daripada pihak berkuasa, siapa yang boleh menyalahkan saya untuk hilang keyakinan terhadap mereka?" kata Rafizi.

Perkara sama berlaku kata pemimpin PKR tersebut apabila mendedahkan penganugerahan projek LRT Ampang bernilai RM1 bilion kepada George Kent konsortium, tiada tindakan pantas diambil oleh pihak polis walaupun beliau telah membuat laporan.

"Jadi saya terpaksa membuat keputusan sebagai seorang pegawai awam dan pemegang jawatan dalam parti pembangkang sah, saya perlu membuat keputusan demi kepentingan negara ... untuk mendedahkannya," katanya lagi.

"Saya fikir sekarang, ia kembali kepada persoalan kredibiliti dari segi rekod, BN tidak mempunyai rekod yang baik untuk mengambil tindakan terhadap rasuah dan salah urus dalam kerajaan," tambah Rafizi.

Beliau berkata bahawa ketakutan pemberi maklumat, walaupun terdapat enakmen Akta Perlindungan Pemberi Maklumat pada tahun 2010, adalah bahawa mereka akan perlu mengambil risiko untuk jatuh jika berani untuk mendedahkan maklumat kepada orang ramai.

“Jika Najib benar-benar serius memerangi rasuah, beliau harus menerima realiti — ia hanya melalui pendedahan umum kita melihat tindakan diambil terhadap Shahrizat dan NFCorp.

“Jadi melainkan kita mempunyai cara yang lebih baik, saya tidak melihat apa-apa cara lain daripada terus pergi kepada orang ramai,” kata Rafizi.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/berhadapan-dua-kes-mahkamah-rafizi-akan-terus-dedahkan-skandal/>